



**KENYATAAN MEDIA**  
**LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL),**  
**SUKU TAHUN KETIGA 2023**

**Median upah bulanan sektor formal meningkat 5.5 peratus tahun ke tahun kepada RM2,600 pada akhir suku tahun ketiga 2023.**

**PUTRAJAYA, 24 Januari 2024** – Median upah bulanan sektor formal meningkat 5.5 peratus tahun ke tahun kepada RM2,600 pada akhir suku tahun ketiga 2023, laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada 24 Januari dalam **LAPORAN STATISTIK UPAH PEKERJA (SEKTOR FORMAL), SUKU TAHUN KETIGA 2023**.

Mengulas lanjut tentang penemuan berdasarkan data pentadbiran ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, “Statistik ini menunjukkan bilangan pekerja warganegara di sektor formal meningkat sebanyak 1.3 peratus kepada 6.68 juta orang pada September 2023 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.”

Dari segi jantina, pekerja formal lelaki menyumbang lebih separuh daripada keseluruhan pekerja formal, sebanyak 55.4 peratus atau bersamaan dengan 3.70 juta orang pada September 2023. Pekerja formal lelaki menerima median upah bulanan sebanyak RM2,645 pada September 2023, menunjukkan peningkatan 5.8 peratus berbanding September 2022. Sementara itu, pekerja formal perempuan yang menyumbang 44.6 peratus daripada keseluruhan pekerja formal (2.98 juta orang) menerima median upah bulanan sebanyak RM2,518 pada September 2023.

Melihat kepada perincian statistik upah mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa pekerja formal yang berumur 25 hingga 29 tahun merangkumi satu per lima daripada keseluruhan pekerja formal pada September 2023 iaitu 19.9 peratus atau 1.33 juta orang manakala kumpulan umur 65 tahun dan ke atas mencatatkan bilangan pekerja formal terendah dengan 0.10 juta orang atau 1.5 peratus. Kumpulan umur 45 hingga 49 tahun menerima median upah bulanan tertinggi pada September 2023 iaitu RM3,500. Kumpulan umur ini mengekalkan median upah bulanan tertinggi pada Julai 2023 (RM3,482) dan Ogos 2023 (RM3,500). Walau bagaimanapun, kumpulan umur di bawah 20 tahun menerima median upah bulanan terendah sebanyak RM1,500 pada September 2023, kekal tidak berubah bagi tiga bulan berturut-turut sepanjang suku tahun ketiga 2023.

Mengulas lanjut tentang situasi upah mengikut aktiviti ekonomi, Ketua Perangkawan berkata, “Median upah bulanan menyaksikan pertumbuhan positif merentasi semua sektor pada suku tahun ketiga 2023. Secara khusus, sektor Perlombongan dan

pengkuarian merekodkan median upah bulanan tertinggi iaitu RM5,200 pada September 2023. Sektor ini turut merekodkan pertumbuhan tahun ke tahun tertinggi pada September 2023 dengan 16.5 peratus. Sektor Pertanian yang meliputi 1.9 peratus daripada keseluruhan pekerja formal, mencatatkan median upah bulanan terendah iaitu RM1,982, meningkat 6.3 peratus tahun ke tahun pada September 2023.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Semua negeri menunjukkan pertumbuhan positif tahun ke tahun dari segi median upah bulanan. Tiga negeri mengatasi median upah bulanan nasional iaitu RM2,600 pada September 2023, dengan W.P. Kuala Lumpur mencatatkan median upah bulanan tertinggi iaitu RM3,800, diikuti oleh Selangor sebanyak RM2,900 dan Pulau Pinang sebanyak RM2,645. Sebaliknya, Kelantan, Perlis dan Sabah menunjukkan median upah bulanan terendah dalam tempoh masa yang sama, masing-masing mencatatkan RM1,600, RM1,627 dan RM1,800.”

Dari segi taburan upah pada September 2023, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa 34.6 peratus pekerja formal di Malaysia memperoleh upah di bawah RM2,000. Peratusan ini menandakan penurunan daripada 38.1 peratus dicatatkan pada tahun sebelumnya. Pada masa yang sama, hampir 7.5 peratus pekerja formal memperoleh upah bulanan RM10,000 dan ke atas pada September 2023. Sementara itu, analisis persentil menunjukkan bahawa persentil ke-10 pekerja formal menerima upah bersamaan atau kurang daripada RM1,500 sebulan. Walau bagaimanapun, kumpulan ini mengalami peningkatan upah bulanan ketara sebanyak 10.0 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya (September 2022: RM1,364). Nisbah upah antara kumpulan penerima upah tertinggi (persentil ke-90) dengan kumpulan penerima upah terendah (persentil ke-10) menggambarkan bahawa kumpulan penerima upah tertinggi menerima lebih dari lima kali ganda upah berbanding kumpulan penerima upah terendah.

Mengakhiri kenyataannya pada keluaran hari ini, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, “Statistik ini adalah berdasarkan sumber data pentadbiran daripada agensi yang berkaitan, memberi tumpuan kepada warganegara yang bekerja di sektor formal, khususnya di sektor swasta. Perantaian kehadapan, DOSM beriltizam untuk terus memperkuuh penyusunan dan penghasilan statistik upah pekerja dengan mengintegrasikan pelbagai sumber data untuk pengeluaran statistik yang lebih terperinci bagi pemahaman yang lebih mendalam tentang pasaran buruh yang dinamik di Malaysia.

Data siri masa dan maklumat lanjut berkaitan pasaran buruh boleh diperolehi dari portal Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID). Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> atau imbas kod QR di bawah.



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Pangkalan Data Utama (PADU) telah diluncurkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercincir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian hotline berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA:<https://padu.spab.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
24 JANUARI 2024**

Paparan 1: Median Upah Bulanan, Januari 2022 – September 2023



Paparan 2: Median Upah Bulanan Mengikut Jantina, Julai – September 2023

JANTINA

Median upah bulanan bagi lelaki (RM2,645) adalah lebih tinggi berbanding perempuan (RM2,518) pada September 2023.



<b>RM2,627</b>	 JUL	<b>RM2,500</b>
<b>RM2,627</b>	 OCT	<b>RM2,500</b>
<b>RM2,645</b>	 SEP	<b>RM2,518</b>



## **Paparan 3: Median Upah Bulanan Mengikut Aktiviti Ekonomi, Julai – September 2023**

## AKTIVITI EKONOMI

Median upah bulanan paling tinggi pada September 2023 direkodkan dalam sektor Perlombongan & pengkuarian (RM5,200), diikuti Pembinaan, Perkhidmatan, Pembuatan dan Pertanian.



PERLOMBONGAN



PERMINTAAN



PERKHIDMATAN




PEMBUATAN




PERTANIAN

<b>JUL</b>	<b>RM5,000</b>	<b>RM2,700</b>	<b>RM2,600</b>	<b>RM2,445</b>	<b>RM1,964</b>
<b>OGBS</b>	<b>RM5,200</b>	<b>RM2,700</b>	<b>RM2,600</b>	<b>RM2,427</b>	<b>RM1,964</b>
<b>SEP</b>	<b>RM5,200</b>	<b>RM2,700</b>	<b>RM2,600</b>	<b>RM2,427</b>	<b>RM1,982</b>

#### Paparan 4: Median Upah Bulanan Mengikut Negeri, Julai – September 2023



#### Paparan 5: Taburan Upah Pekerja Mengikut Skala Gaji, September 2022 & September 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**  
**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
**24 JANUARI 2024**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT**

### **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT, THIRD QUARTER 2023**

**The formal sector median monthly wages increased 5.5 per cent year-on-year to register RM2,600 at the end of the third quarter of 2023.**

**PUTRAJAYA, 24 January 2024** – The formal sector median monthly wages increased 5.5 per cent year-on-year to register RM2,600 at the end of the third quarter of 2023, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported on January 24<sup>th</sup> in its quarterly **EMPLOYEE WAGES STATISTICS (FORMAL SECTOR) REPORT**'s summary.

Delving the findings from administrative data further, the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The statistics showed that the number of citizen employees in formal sector increased 1.3 per cent to record 6.68 million persons in September 2023 compared to the same month in the previous year."

In terms of gender, male formal employees accounted for more than half of the total formal employees, constituting 55.4 per cent or equivalent to 3.70 million persons in September 2023. Male formal employees received median monthly wages of RM2,645 in September 2023, reflecting an increase of 5.8 per cent compared to September 2022. Meanwhile, female formal employees who represented 44.6 per cent of the total formal employees (2.98 million persons) earned median monthly wages of RM2,518 in September 2023.

Looking at detailed wage statistics by age group reported that formal employees aged 25 to 29 made up nearly one-fifth of the total formal employees in September 2023 accounting for 19.9 per cent or 1.33 million persons while the age group 65 years and above generates the least number of formal employees with 0.10 million persons or 1.5 per cent. The age group of 45 to 49 years old received the highest median monthly wages in September 2023, which is RM3,500. This age group also maintained the highest median monthly wages in July 2023 (RM3,482) and August 2023 (RM3,500). However, the age group below 20 years old received the lowest median monthly wages of RM1,500 in September 2023, remaining stagnant for three consecutive months throughout the third quarter of 2023.

Commenting further on wage situations by economic activity, the Chief Statistician said, "The median monthly wages witnessed a positive growth across all sectors in the third quarter of 2023. Specifically, the Mining and quarrying sector registered the highest median monthly wages with RM5,200 in September 2023. This sector also recorded the

*highest year-on-year growth in September 2023 of 16.5 per cent. The Agriculture sector, comprising 1.9 per cent of the total formal employees, registered the lowest median monthly wages of RM1,982, showing a 6.3 per cent year-on-year increase in September 2023.”*

*Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “All states indicated positive year-on-year growth in terms of the median monthly wages. Three states surpassed the national median monthly wages of RM2,600 in September 2023, with W.P. Kuala Lumpur recording the highest median monthly wages at RM3,800, followed by Selangor at RM2,900 and Pulau Pinang at RM2,645. In contrast, Kelantan, Perlis and Sabah showed the lowest median monthly wages during the same period, each registering figures of RM1,600, RM1,627 and RM1,800 respectively.”*

*In terms of wage distribution in September 2023, the Chief Statistician stated that 34.6 per cent of Malaysian formal employees earned below RM2,000. This proportion marks a decrease from 38.1 per cent recorded in the previous year. Concurrently, approximately 7.5 per cent of formal employees earned monthly wages of RM10,000 and above in September 2023. In the meantime, the percentile analysis indicates that the 10<sup>th</sup> percentile of formal employees earned wages equal to or less than RM1,500 per month. However, this group experienced a notable monthly wage increase of 10.0 per cent compared to the same month in the previous year (September 2022: RM1,364). The wage ratio between the highest wage group (90<sup>th</sup> percentile) and the lowest wage earner group (10<sup>th</sup> percentile) illustrates that the highest wage earner group received the wage more than five times compared to the lowest wage earner group.*

*Concluding his statement on today’s release, Dato’ Sri Dr Mohd Uzir Mahidin said, “These statistics are based on administrative data sources obtained from relevant agencies, which focus on the citizens who work in the formal sector, notably in the private sector. Looking ahead, DOSM will continue to strengthen the compilation and production of employee wage statistics by integrating various administrative data to produce more comprehensive statistics for a deeper understanding of Malaysia’s labour market dynamics.”*

*Time series statistics and more information on the labour market can be obtained from the Malaysia Labour Market Interactive Data (MyLMID) portal. For more information, please visit <https://mbls.dosm.gov.my/mylmid/> or scan the QR code below.*



*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*


*The Central Database (PADU) was launched on 2 January 2024. PADU contains individual and household profiles covering citizens and permanent residents of Malaysia. The main goal of PADU is to ensure that Malaysians are not left behind from citizen centric initiatives implemented by the Government. Your kind cooperation is requested to register and update PADU by 31 March 2024. Please visit <https://www.padu.gov.my> for more information related to PADU or contact the following hotlines:*

- i) Department of Statistics Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Online Enquiries through SISPA: <https://padu.spab.gov.my>.


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
24 JANUARY 2024**


### **Exhibit 1: Median Monthly Wages, January 2022 – September 2023**




### **Exhibit 2: Median Monthly Wages by Gender, July – September 2023**



### **Exhibit 3: Median Monthly Wages by Economic Activity, July – September 2023**



### Exhibit 4: Median Monthly Wages by State, July – September 2023



### Exhibit 5: Employee Wages Distribution by Wage Scale, September 2022 & September 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
24 JANUARY 2024**